



## KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) KAEDAH PENDAPATAN 2024

KDNK pada  
Harga Semasa

**RM1,932.3bil**

**5.9%** (1.6%)  
Y-o-Y



LEBIHAN KENDALIAN KASAR

**63.7%** (64.3%)  
kepada KDNK

**5.0%** (-2.1%)  
Y-o-Y



PAMPASAN PEKERJA

**33.6%** (33.5%)  
kepada KDNK

**6.1%** (4.6%)  
Y-o-Y



CUKAI TOLAK SUBSIDI

**2.7%** (2.2%)  
kepada KDNK

**29.3%** (215.4%)  
Y-o-Y

### PRESTASI SEKTORAL

#### PAMPASAN PEKERJA

#### LEBIHAN KENDALIAN KASAR

PERTANIAN



**11.1%** (0.7%)  
Y-o-Y



**10.2%** (-14.4%)  
Y-o-Y

PERLOMBONGAN  
& PENGKUIARIAN



**14.2%** (9.2%)  
Y-o-Y



**-1.6%** (-14.6%)  
Y-o-Y

PEMBUATAN



**2.2%** (3.3%)  
Y-o-Y



**3.9%** (-5.7%)  
Y-o-Y

PEMBINAAN



**18.0%** (8.2%)  
Y-o-Y




**15.9%** (-2.2%)  
Y-o-Y

PERKHIDMATAN



**5.5%** (4.8%)  
Y-o-Y



**5.7%** (5.8%)  
Y-o-Y

**Nota:** ( ) data tahun 2023


**bil** Bilion

**Y-o-Y** Perubahan peratusan tahunan

Sumbangan kepada Nilai ditambah

Sumber: Akaun Negara, Keluaran Dalam Negeri Kasar Kaedah Pendapatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

### Sumbangan Komponen Pendapatan kepada KDNK (%)



■ Pampasan Pekerja

■ Lebihan Kendalian Kasar

■ Cukai tolak Subsidi





# Pampasan pekerja berkembang 6.1 peratus, menyumbang 33.6 peratus kepada KDNK nominal pada tahun 2024

- Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal Malaysia bertumbuh 5.9 peratus, mencapai RM1.9 trilion pada tahun 2024. Seiring dengan perkembangan ekonomi ini, agihan pendapatan turut menunjukkan peningkatan dengan Pampasan Pekerja (PP) mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.1 peratus berbanding 4.6 peratus pada tahun sebelumnya. Momentum peningkatan ini menggambarkan keupayaan ekonomi untuk mengagihkan bahagian output yang lebih besar kepada tenaga kerja iaitu 33.6 peratus (2023: 33.5%). Walau bagaimanapun, Lebihan Kendalian Kasar (LKK) kekal sebagai penyumbang utama kepada KDNK dengan 63.7 peratus, manakala Cukai bersih menyumbang 2.7 peratus.
- Prestasi PP yang lebih baik didorong oleh tren positif dalam petunjuk utama pasaran buruh. Kadar Penyertaan Tenaga Buruh mencatat rekod tertinggi baharu iaitu 70.6 peratus, sementara bilangan penduduk bekerja meningkat 3.5 peratus kepada 16.37 juta orang (2023: 15.81 juta orang). Seiring dengan pengukuhan keadaan pasaran buruh, kadar pengangguran menurun kepada 3.2 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun sebelumnya. Di samping itu, pelaksanaan dasar berterusan seperti semakan semula kadar gaji minimum kepada RM1,500 dan pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) pada Disember 2024 dijangka menyumbang secara positif kepada tahap gaji keseluruhan dan kestabilan pendapatan, sekali gus menyokong usaha yang lebih meluas untuk memperkukuh hasil pasaran buruh.
- DOSM turut mengemaskini semakan anggaran KDNK Kaedah Pendapatan bagi tahun 2022 dan 2023. Semakan adalah berdasarkan laporan tahunan syarikat yang dikemaskini, Banci Ekonomi 2023 serta data sekunder daripada agensi yang berkaitan. Semakan semula ini berpandukan kepada amalan statistik terbaik selaras dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan kebolehpercayaan, kebolehbandingan dan menyediakan statistik yang terkini.

